

16. PROJEK PEMBINAAN TERBENGKALAI

Universiti Teknologi MARA Kementerian Pengajian Tinggi

1. LATAR BELAKANG

Projek Pembangunan Infrastruktur Universiti Teknologi MARA (UiTM) dipantau oleh Pejabat Pembangunan Infrastruktur Dan Infostruktur (PPII) di UiTM Shah Alam yang ditadbir oleh Timbalan Naib Canselor (Pembangunan). Sehingga bulan Disember 2019, UiTM telah melaporkan sebanyak 23 projek pembinaan yang masih belum disiapkan dengan nilai perolehan berjumlah RM60.41 juta. Dua (2) daripada 23 projek tersebut merupakan projek pembinaan terbengkalai dengan nilai kontrak keseluruhan berjumlah RM2.98 juta. Sehingga bulan September 2020, pembayaran terkumpul yang telah dibuat kepada kontraktor bagi 23 projek tersebut adalah berjumlah RM10.34 juta.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi memastikan pentadbiran projek pembinaan yang terbengkalai melibatkan tuntutan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD), tuntutan kerugian projek serta keselamatan aset diurus mengikut peraturan yang ditetapkan.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) projek pembinaan yang terbengkalai setakat bulan Disember 2019 seperti dalam **Jadual 16.1**.

JADUAL 16.1
DUA (2) PROJEK PEMBINAAN TERBENGKALAI SETAKAT 31 DISEMBER 2019

BIL.	PROJEK PEMBINAAN	NILAI KONTRAK		JUMLAH BAYARAN TERKUMPUL	PERATUSAN KERJA SIAP
		TAHUN	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Cleanroom Shah Alam	2012	1.72	1.55	90
2.	Perpustakaan Dungun	2010	1.26	0.98	90
JUMLAH			2.98	2.53	

Sumber: Senarai Projek Pembinaan UiTM

3.2. Pengauditan dijalankan di PPII dan Kampus UiTM Dungun, Terengganu pada bulan Ogos sehingga September 2020. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen dan rekod, lawatan fizikal serta temu bual dengan pegawai yang terlibat.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Ogos sehingga September 2020 dan Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) telah diadakan pada 12 Oktober 2020. Maklum balas daripada UiTM telah diterima pada 16 Oktober 2020. Penemuan Audit adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 4.1 dan 4.2.

4.1. Kerugian Berjumlah RM1.69 Juta Tidak Dapat Dituntut Daripada Kontraktor Asal Kerana Gagal Menyiapkan Projek Perpustakaan Dungun

4.1.1. UiTM telah meluluskan perolehan bagi projek cadangan membina dan menyiapkan bangunan tambahan Perpustakaan Dungun serta kerja berkaitan di UiTM Dungun, Terengganu berjumlah RM1.26 juta pada 11 Januari 2011. Projek telah bermula pada 11 Mac 2011 dan tarikh siap asal pada 7 November 2011. Status projek pada tarikh penamatan kontraktor asal adalah 90% siap.

4.1.2. Berdasarkan klausa 40 syarat-syarat kontrak, sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) akan dikeluarkan sekiranya kontraktor gagal menyiapkan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan atau tempoh lanjutan masa yang diluluskan. LAD akan dikenakan terhadap kontraktor tersebut apabila CNC dikeluarkan sebagai penalti kerana gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. LAD akan dikira dari tarikh CNC dikeluarkan sehingga tarikh sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) atau tarikh penamatan kontrak.

4.1.3. Kontraktor asal tidak dapat menyiapkan kerja pembinaan pada tarikh yang telah dipersetujui, iaitu tarikh akhir pelanjutan masa (EOT) kedua pada 7 April 2012 dengan baki kerja sebanyak 10%. Kegagalan kontraktor asal menyiapkan kerja telah menyebabkan UiTM mengambil tindakan penamatan pada 25 Januari 2019. Kontraktor penyiap bagi projek Perpustakaan Dungun yang terbengkalai sejak tahun 2012 masih belum dilantik. Tempoh kelewatan melantik adalah sehingga 526 hari daripada tarikh sepatutnya kontraktor penyiap dilantik, iaitu pada 24 April 2019 hingga 30 September 2020.

4.1.4. Berdasarkan borang Penyata Akaun Muktamad, kos penyiapan adalah meliputi kos pelantikan kontraktor penyiap dan LAD yang sepatutnya dikenakan kepada kontraktor asal. Pihak Audit mendapati **Penyata Akaun Muktamad yang disediakan oleh UiTM pada 4 Mac 2020 tidak mengambil kira kos pelantikan kontraktor penyiap dan LAD yang sepatutnya dikenakan.** UiTM telah menyediakan anggaran kos penyiapan bagi projek

Perpustakaan Dungun berjumlah RM830,000 untuk makluman Audit dengan perincian seperti dalam **Jadual 16.2**.

JADUAL 16.2
ANGGARAN KOS PENYIAPAN PROJEK

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
1.	<i>Preliminaries</i>	80,000
2.	<i>Non Completed works</i>	200,000
3.	<i>Defective, damage and work not to comply with specification</i>	300,000
4.	<i>New Works</i>	90,000
5.	<i>Electricals Works</i>	10,000
6.	<i>Provisional Sum</i>	150,000
JUMLAH		830,000

Sumber: Penyata Anggaran Kos Penyediaan Projek oleh PPII UiTM

4.1.5. Berdasarkan klausa 40 syarat-syarat kontrak, LAD yang sepatutnya dikenakan kepada kontraktor asal adalah berjumlah RM856,290 seperti dalam **Jadual 16.3**.

JADUAL 16.3
GANTI RUGI TERTENTU DAN DITETAPKAN
TIDAK DIKENAKAN KEPADA KONTRAKTOR ASAL

KADAR LAD SEHARI (RM) (a)	GANTI RUGI TERTENTU DAN DITETAPKAN (LAD)		
	TEMPOH	HARI (b)	JUMLAH (RM) (c) = (b) x (a)
345	08.04.2012 hingga 25.01.2019	2,482	856,290*

Sumber: Surat Setuju Terima

Nota : * Pengiraan LAD = Bilangan hari lewat x RM345/hari

4.1.6. Bagaimanapun, LAD telah dikembalikan semula kepada kontraktor asal kerana UiTM gagal mengeluarkan CNC kepada kontraktor asal pada 7 April 2012, iaitu tarikh akhir EOT kedua. Situasi ini membawa kepada *time at large* dan menjadi tanggungjawab kontraktor asal untuk menyiapkan kerja dalam masa yang munasabah. Selain itu, mengikut klausa 4.2 *Mutual Termination Agreement* (MTA) yang ditandatangani oleh UiTM dan kontraktor asal pada 25 Februari 2020 telah melepaskan kontraktor asal daripada sebarang tuntutan kerugian atau pampasan oleh UiTM.

4.1.7. Kesannya, UiTM mengalami kerugian berjumlah RM1.69 juta terdiri daripada LAD yang sepatutnya dikenakan kepada kontraktor asal sejumlah RM856,290 dan anggaran kos untuk menyiapkan projek Perpustakaan Dungun berjumlah RM830,000.

Maklum balas UiTM yang diterima pada 16 Oktober 2020

Pengiraan LAD dikira berdasarkan faktor seperti CNC yang tidak dikeluarkan setelah kontraktor asal tidak dapat menyiapkan projek selepas tamatnya tempoh EOT kedua. Kontraktor asal telah memohon untuk penamatan pada 9 April 2013 tetapi tidak mendapat jawapan daripada UiTM dan EOT kedua telah diluluskan sehingga 7 April 2012, oleh itu tarikh LAD yang boleh diambil kira bermula daripada tarikh 8 April 2012. Untuk memberikan kesaksamaan kepada dua pihak, iaitu kontraktor asal dan UiTM, LAD berjumlah RM126,960 dimansuhkan dan dikembalikan kepada kontraktor asal manakala baki Wang Jaminan Pelaksanaan kontraktor berjumlah RM63,052 dirampas oleh UiTM.

UiTM juga telah mengeluarkan surat nasihat dan teguran pada 26 Januari 2017 kepada Jurutera Kanan, Bahagian Pengurusan Fasiliti, UiTM Cawangan Dungun dan Pengarah Pengurusan Fasiliti, UiTM atas kelemahan menyelia dan memantau projek ini.

**Pernyataan
Audit**

Kegagalan UiTM mengeluarkan CNC selepas lapan (8) tahun projek tidak disiapkan menyebabkan LAD tidak dikenakan. MTA yang ditandatangani pada 25 Februari 2020 turut melepaskan kontraktor asal daripada sebarang tuntutan yang dianggarkan berjumlah RM1.69 juta, termasuk LAD.

4.2. Sejumlah RM1.70 Juta Masih Belum Dituntut Daripada Kontraktor Asal Bagi Projek *Cleanroom* Shah Alam

4.2.1. UiTM telah meluluskan perolehan bagi projek cadangan mereka bentuk, membina, menyiap, menguji lari, mentauliah dan menyenggara *cleanroom* di ruang sedia ada di makmal kejuruteraan lama untuk kegunaan makmal semikonduktor bagi Fakulti Sains Gunaan (FSG) berjumlah RM1.72 juta pada 21 November 2012. Kontrak telah ditandatangani pada 13 Disember 2013 dan projek telah bermula pada 4 Januari 2013 dengan tarikh siap asal pada 3 Oktober 2013. Status projek sehingga kontrak ditamatkan adalah 90% siap.

4.2.2. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PK 4.5 Tatacara Pengurusan Projek Sakit dan Pelantikan Kontraktor Penyiap bagi Projek Sakit menyatakan agensi hendaklah memastikan tempoh proses pelantikan kontraktor penyiap bagi projek sakit selepas notis penamatan dikeluarkan kepada kontraktor asal hendaklah tidak melebihi empat (4) bulan bagi projek reka dan bina melibatkan perunding asal dan tidak melebihi enam (6) bulan yang melibatkan pelantikan perunding baru. Klausula 60.1 (c)(i)(G) dalam kontrak bagi projek *Cleanroom* Shah Alam, kontraktor perlu membayar kepada Kerajaan sebarang kerugian dan pampasan kesan daripada penamatan kontrak yang berkuat kuasa.

4.2.3. UiTM telah lewat mengeluarkan CNC yang berkuat kuasa pada 24 November 2014 pada 18 Februari 2016 dengan tempoh kelewatan 451 hari dari tarikh akhir EOT pertama diluluskan. UiTM juga telah mengeluarkan surat Notis Penamatan Kerja Kontraktor pada 3 Mac 2016 akibat kegagalan kontraktor asal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan, iaitu pada 24 November 2014. Sehingga bulan September 2020, kontraktor penyiap masih belum dilantik bagi menyiapkan kerja yang terbengkalai dengan tempoh kelewatan sehingga 1,552 hari. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16.4**.

JADUAL 16.4
KELEWATAN PELANTIKAN KONTRAKTOR PENYIAP

BIL.	TARIKH SIAP PROJEK	TARIKH NOTIS PENAMATAN KONTRAKTOR ASAL	TEMPOH PELANTIKAN DIBENARKAN MENGIKUT PK 4.5	KELEWATAN PELANTIKAN KONTRAKTOR PENYIAP (HARI)
1.	24.11.2014	03.03.2016	02.07.2016	1,552*

Sumber: Surat Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor

Nota : *Dikira daripada tempoh pelantikan dibenarkan mengikut PK 4.5 sehingga September 2020

4.2.4. Pihak Audit mendapati ketiadaan pemantauan yang berkesan oleh Pegawai Penguasa menyebabkan CNC dan Notis Penamatan Kerja Kontraktor lewat dikeluarkan. Selain itu, kelewatan melantik kontraktor penyiap juga disebabkan permohonan perolehan oleh UiTM secara rundingan terus dengan syarikat perunding (sub kontraktor kepada kontraktor asal) tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan tiada peruntukan bagi pelaksanaan perolehan baru.

4.2.5. Kesan kelewatan pelantikan ini menyebabkan perkara berikut:

- a. **Anggaran kos yang ditanggung oleh UiTM bagi menyiapkan baki kerja berjumlah RM1.70 juta masih belum dituntut daripada kontraktor asal.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16.5**.

JADUAL 16.5
ANGGARAN KOS PENYIAPAN PROJEK

BIL.	KETERANGAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Anggaran Kos Penyiapan*	3.20
2.	Tolak: Harga Kontrak Akhir	(1.50)
JUMLAH BAYARAN YANG PERLU DIBAYAR OLEH KONTRAKTOR KEPADA UiTM		1.70

Sumber: Penyata Anggaran Kos Penyiapan Projek oleh PPII UiTM

Nota : *Pengiraan termasuk LAD berjumlah RM218,550, kos penghadang (*hoarding*) berjumlah RM23,000 dan kos perolehan pelantikan kontraktor penyiap berjumlah RM1.70 juta

- b. Lawatan Audit pada 3 September 2020 mendapati aset berjumlah RM155,000 yang terdiri daripada *Compressed Air System*, 38 unit *Hepa Fan Filter*, satu (1) unit *Emergency Shower and Eyewash* dan tiga (3) unit *Laboratory Fume Cupboard* tidak pernah diuji, tidak digunakan dan telah berkarat. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 16.1** hingga **16.4**.

GAMBAR 16.1



Fakulti Sains Gunaan, UiTM Shah Alam

- **Aset *Compressed Air System* Yang Tidak Pernah Diuji Lari, Tidak Digunakan dan Telah Berkarat**

Kos Aset: RM65,000

(03.09.2020)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 16.2



Fakulti Sains Gunaan, UiTM Shah Alam

- **Aset *Hepa Fan Filter* Tidak Pernah Diuji Lari dan Tidak Digunakan**

Kos Aset: RM35,000

(03.09.2020)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 16.3



Fakulti Sains Gunaan, UiTM Shah Alam

- **Aset *Emergency Shower and Eyewash* Yang Tidak Pernah Diuji Lari dan Tidak Digunakan**

Kos Aset: RM15,000

(03.09.2020)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 16.4



Fakulti Sains Gunaan, UiTM Shah Alam

- **Aset *Laboratory Fume Cupboard* Tidak Pernah Diuji Lari dan Tidak Digunakan**

Kos Aset: RM40,000

(03.09.2020)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas UiTM yang diterima pada 16 Oktober 2020

Beberapa usaha telah dibuat oleh UiTM dari tarikh surat penamatan dikeluarkan kepada kontraktor asal antaranya permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk menyiapkan baki kerja projek *Cleanroom* secara rundingan terus dan mesyuarat dalaman pasukan projek. Satu Jawatankuasa Semakan Kondusi *Cleanroom* telah ditubuhkan pada 13 Ogos 2020 yang mana ahli Jawatankuasa terdiri daripada pensyarah UiTM. Laporan Jawatankuasa Semakan Kondusi *Cleanroom* akan dikeluarkan dalam bulan Oktober 2020. Peralatan seperti pam motor, silinder gas dan *outdoor unit aircond* yang berkarat dan terdedah kepada cuaca kerana peralatan tersebut khusus ditempatkan di luar bangunan dan reka bentuk untuk penempatan peralatan adalah tidak berbumbung.

Pernyataan Audit	Anggaran kerugian berjumlah RM1.70 juta yang tidak dituntut daripada kontraktor asal mengakibatkan UiTM perlu menanggung keseluruhan kos penyiapan projek. UiTM juga mengalami kerugian berjumlah RM155,000 bagi aset dibekalkan pada tahun 2014 dan tidak pernah digunakan.
-----------------------------	---

5. Syor Audit

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan dan penguatkuasaan klausa kontrak, UiTM perlu mengambil tindakan berikut:

- 5.1. Memastikan denda lewat atau ganti rugi dituntut daripada kontraktor asal seperti yang diperuntukkan dalam kontrak.
- 5.2. Mengambil tindakan terhadap mana-mana pegawai yang cuai melaksanakan tanggungjawab serta tidak mematuhi peraturan dan pekeliling kewangan yang berkuat kuasa.